

Empat anggota badan khas siasatan

BH - 22 APR 2001

LABUAN, Ahad - Tiga atau empat ahli Lembaga Disiplin Umno, dijangka menganggotai jawatankuasa khas yang akan ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkaitan penyelewengan dan politik wang dalam parti.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Hadawi, berkata pihaknya akan

mengenal pasti anggota yang akan menduduki jawatankuasa berkenaan supaya siasatan itu dapat dilakukan dengan sempurna.

"Kita akan bentuk jawatankuasa itu secepat mungkin kerana perkara itu baru diumumkan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

"Mungkin tiga atau empat orang dari 12 anggota Lembaga Disiplin akan diminta memula-

kan siasatan itu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Labuan di Ujana Kewangan Labuan di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri diminta mengulas penubuhan jawatankuasa itu yang diumumkan Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC),

Kuala Lumpur, semalam.

Fauzi dalam surat peletakan jawatannya sebagai Adun Beserah yang diserahkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, tiga hari lalu, mendakwa berlaku amalan politik wang dalam kawasannya sehingga beliau tidak mendapat pencalonan secukupnya bagi memper-tahankan jawatan Ketua Umno

LHAT MUKA 2

Lembaga Disiplin belum mesyuarat

DARI MUKA 1

Bahagian Kuantan.

Beliau turut membuat laporan polis terhadap Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, yang didakwa terbabit dalam penyelewengan ketika menjadi Menteri Besar Pahang.

Semalam, Perdana Menteri berkata, jawatankuasa khas itu akan dianggotai badan bebas yang diketuai Pengerusi Lembaga Disiplin Umno, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat Umno Bahagian Kuantan yang diketuai Fauzi, turut ditangguhkan sehingga siasatan itu selesai.

Di KUALA LUMPUR, Tengku Ahmad Rithauddeen yang dihubungi hari ini, berkata Lembaga Disiplin Umno akan mengadakan mesyuarat secepat mungkin untuk membincangkan perkara berkaitan.

Beliau berkata, pihaknya juga sedia menyiasat laporan polis yang dibuat Fauzi terhadap Khalil.

Tengku Ahmad Rithauddeen, bagaimanapun enggan mengulas lanjut hingga perbincangan mengenai perkara itu diadakan.

Beliau juga tidak pasti bila lembaga itu akan bermesyuarat, tetapi tidak menolak kemungkinan dalam tempoh terdekat.

Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, beliau hanya mengetahui mengenai penubuhan jawatankuasa khas itu melalui laporan akhbar.

"Setakat ini saya tidak dapat memberikan apa-apa kenyataan dan perlu berbincang dulu untuk mengetahui apakah arahan selanjutnya," katanya.

Di KUANTAN, Fauzi mengesahkan beliau menghadap Sultan Pahang di Istana Mahkota malam kelmarin, bagi memberi penjelasan berhubung hasratnya untuk meletak jawatan sebagai Adun Beserah.

"Saya dititah menghadap baginda di istananya dan

berterima kasih terhadap keprihatinan baginda.

"Sebenarnya baginda mahu mendengar sendiri dari mulut saya apa yang berlaku dan saya sudah menjelaskan segalanya.

"Tindakan baginda wajar kerana jika maklumat itu diperoleh daripada pihak ketiga mungkin ia tidak tepat," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Fauzi berkata, Sultan Pahang juga menegaskan baginda tidak berhasrat campur tangan dalam politik, sebaliknya cuma mengingatkan beliau supaya mengutamakan perpaduan dan keharmonian rakyat.